

28 DEC 1997

Helang-Tangga

TANGGA HELANG SERIBU KENANGAN DI GUNUNG RAYA DIBINA

LANGKAWI 28 Dis (Bernama) -- Pelawat ke pulau peranginan ini akan berpeluang melihat keindahan Langkawi dari puncak Gunung Raya apabila projek pembinaan anak tangga yang dikenali "Tangga Helang Seribu Kenangan" di gunung itu siap dibina tidak lama lagi.

Pengerusi jawatankuasa pelaksanaan projek itu, Md Hassan Bulat, hari ini berkata kira-kira 10,000 anak tangga sejauh 3km akan dibina menuju ke kemuncak gunung itu yang merupakan kawasan tertinggi di pulau peranginan ini.

Katanya pembinaan anak tangga itu yang dimulakan bulan lepas tidak membabitkan peruntukan kerajaan sebaliknya diusahakan dengan kerjasama pihak swasta.

Projek itu dijangka menelan belanja kira-kira RM1.2 juta.

Md Hassan yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Padang Matsirat berkata projek itu terletak berhampiran Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang Ulu Melaka yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis lepas.

Beliau berkata para pengunjung Kampung Buku berpeluang menaiki anak tangga itu selepas membaca buku untuk menikmati pemandangan indah dan udara nyaman di puncaknya.

Menurutnya projek itu dilaksanakan berperingkat-peringkat dan sehingga ini kira-kira 400 anak tangga telah dibina dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun.

Ia dijangka menjadi tarikan baru di Langkawi selain beberapa destinasi menarik termasuk Kampung Buku.

Md Hassan berkata pihaknya juga bercadang memberi sijil kepada mereka yang dapat sampai di puncak gunung itu dengan mendaki menerusi tangga yang disediakan, katanya.

Katanya projek itu merupakan peluang terbaik kepada orang ramai untuk melihat keindahan Langkawi dan yakin beliau yakin projek yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid itu dapat dijadikan program riadah untuk kesihatan para pengunjung.-- Bernama

ZI NH WAT